



## JABATAN CETAK KERAJAAN

Km. 4, Jalan Tuaran

Beg Berkunci No. 2004

88554 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

E-mel: pengarah.jck@sabah.gov.my Tel.: 088-538767 Faks: 088-217034



Tolong salinkan bil. kami dalam jawapan surat ini. *(Please quote this reference in any reply to this letter)*

Ruj. Tuan:

*(Your Ref.)*

Ruj. Kami: JCK:100-4/1 klt.17 (33)

*(Our Ref.)* 20 Julai 2023

**Setiausaha Tetap Kementerian,  
Semua Ketua Jabatan Negeri,  
Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun Negeri,  
Semua Presiden Majlis Perbandaran,  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri,  
Semua Pegawai Daerah,  
Semua Penolong Pegawai Daerah-daerah kecil.**

Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### **TEMPAHAN PERCETAKAN DI JABATAN CETAK KERAJAAN SABAH**

Adalah dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian pihak Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sabah sedang melaksanakan dasar perbelanjaan berhemah dan berjimat cermat bagi mengatasi masalah pembaziran dari segi penggunaan sumber. Dengan ini, Jabatan Cetak Kerajaan Sabah ditubuhkan khas bertujuan untuk memberi perkhidmatan pencetakan dan alat-alat tulis yang berkualiti dengan kos yang berpatutan yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui tender rasmi.

3. Oleh yang demikian, semua bekalan keperluan Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan hendaklah diperolehi daripada jabatan ini. Namun demikian, untuk bahan-bahan berkenaan yang tidak dapat didapati atau tiada dalam stok bekalan jabatan ini boleh didapati terus melalui pembekal swasta dengan mendapatkan pengecualian daripada Jabatan Cetak Kerajaan. Pengecualian ini adalah tertakluk kepada kelulusan Jabatan Cetak Kerajaan Sabah terlebih dahulu iaitu selaras dengan Arahan Pembendaharaan dan Arahan Perkhidmatan Negeri Sabah.

4. Setiap permohonan pengecualian yang dikemukakan kepada Jabatan Cetak Kerajaan hendaklah tidak kurang dari dua (2) minggu daripada tarikh keperluan tersebut dan hendaklah disertakan dengan **CONTOH BAHAN** yang hendak dicetak dan **SEBUT HARGA** daripada pembekal swasta. Setelah siap dicetak, satu (1) **SALINAN INVOIS** dan **CONTOH PERCETAKAN** hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Cetak Kerajaan untuk rujukan.

2/..

**“SABAH MAJU JAYA”**

Rujukan : JCK:100-4/1 klt.17 (33)  
Tarikh : 20 Julai 2023

**TEMPAHAN PERCETAKAN DI JABATAN CETAK KERAJAAN SABAH**

5. Sila maklum bahawa pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada surat pekeliling ini dikeluarkan. Semua Kementerian/Jabatan/Agensi dikehendaki untuk mematuhi arahan tersebut di atas.

6. Kerjasama dan perhatian Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, harap maklum

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(LIEW CHERN WEI)**  
Pencetak Kerajaan Sabah  
Jabatan Cetak Kerajaan